

Selepas lebih tujuh bulan tidak menyertai sebarang kejohanan kompetitif, pelari pecut negara, Khairul Hafiz Jantan bakal melakukan penampilan pertama pada Sukan Universiti Dunia (Universiade) di Napoli, Itali hari ini.

Kejohanan terakhir yang disertai atlet berusia 20 tahun itu ialah Kejohanan Terbuka Innotex-Sekolah Sukan Bukit Jalil (SSBJ) pada November 2018 yang menyaksikan dia meraih emas dengan catatan 10.55 (s) saat pada final, sebelum memulakan rawatan dan proses pembentukan fizikal bersama pakar Institut Sukan Negara (ISN).

Harapan jurulatihnya, Mohd Poad Md Kassim adalah untuk melihat Khairul atau lebih terkenal dengan gelaran *The Speedy Jantan* kembali mendapatkan rentak larian dengan mencatatkan masa di bawah 10.40s dalam usaha mempertahankan pingat emas Sukan SEA.

“Kejohanan ini (Universiade) penting baginya untuk tanam keyakinan sebab dah lama tak lari. Saya harap Khairul dapat serap segala keadaan semasa kejohanan terutamanya kejohanan besar seperti Universiade,” katanya.

Walaupun Mohd Poad tidak mengikuti Khairul Hafiz ke Itali, beliau tetap mengharapkan keputusan dan prestasi yang terbaik buat anak buahnya yang



Khairul Hafiz bakal menggegar balapan selepas menjalani rawatan pada November tahun lalu.

The Speedy Jantan kembali

kini menuntut di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Atlet kelahiran Merlimau itu yang mempunyai catatan peribadi terbaik 10.18s dicatatkan pada Sukan Malaysia (Sukma) Sarawak 2016, yang juga merupakan rekod kebangsaan, perlu kembali mendapatkan rentaknya sebelum Sukan SEA 2019 di Filipina yang dijadualkan bermula 30 November depan sekiranya mahu mempertahankan gelaran Raja Pecut Asia Tenggara.

Catatan terbaik semusim Khairul Hafiz bagi 2018

adalah 10.28s yang dilakukannya pada Kejohanan Kebangsaan Besigheim, Jerman pada Julai tahun lepas.

Dia sudah pasti menerima saingan sengit daripada juara remaja dunia, Lalu Muhammad Zohri, 18, yang mencatatkan 10.03s pada Golden Grand Prix Osaka Mei lalu, sekiranya Indonesia membenarkan atlet itu menyertai temasya Sukan SEA kali ini.

Difahamkan, Lalu sebelum ini mahu memberi fokus pada Kejohanan Dunia di Doha Oktober depan

dan temasya Sukan Olimpik Tokyo 2020.

Dalam pada itu, jurulatih skuad olahraga Universiade negara, Nazmizan Mohamad berkata, kesemua 11 atlet olahraga negara termasuk Khairul dan seorang lagi pelari pecut, Jonathan Nyepa sudah bersedia beraksi di Napoli.

“Sasaran pingat diletakkan ke atas Muhammad Irfan Shamsuddin dalam acara lempar cakera lelaki manakala bagi pelari pecut, layak ke final sudah cukup baik,” kata Nazmizan. - Bernama